



**KENYATAAN TAWARAN TENDER
KADA(M)T3/2023**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat/pembekal yang berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi menyertai Tender Perkhidmatan berikut:-

NO. TENDER	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KOD BIDANG
KADA(M)T3/2023	CADANGAN PERKHIDMATAN SEWAAN DAN PENYELENGGARAAN MESIN PENYALIN BAGI TEMPOH 36 BULAN KEPADA LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)	221502 Mesin dan Peralatan Pejabat

2. Dokumen Tender boleh diperolehi bermula pada **03/01/2023 (SELASA)** sehingga **05/01/2023 (KHAMIS)** di Cawangan Kewangan, Bahagian Pengurusan, Ibu Pejabat KADA, Jalan Dato Lundang 15710 Kota Bharu, Kelantan.
3. Sila bawa bersama semua SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA dalam Kod Bidang di atas dan menyerahkan satu salinan sijil-sijil berkenaan semasa membeli Dokumen Tender. Dokumen Tender juga boleh dibeli oleh wakil pembekal dengan membawa Surat Perwakilan Kuasa berserta sijil-sijil berkenaan.
4. Dokumen Tender boleh dibeli dengan harga **RM50.00** (Ringgit Malaysia : LIMA PULUH SAHAJA). Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang/Draf Bank atau Wang Tunai, yang tidak akan dikembalikan. Wang Pos/Kiriman Wang/Draf Bank hendaklah dibuat atas nama **Pengurus Besar KADA**.
5. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta ditulis nombor rujukan Tender **KADA(M)T3/2023** dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di **Cawangan Kewangan, Bahagian Pengurusan, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, Kota Bharu, Kelantan** sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari, **30/01/2023 (ISNIN)**. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
6. Pengurusan KADA tidak akan terikat dengan mana-mana tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

(MOHD FAIZUL BIN MUSTAFA)

Pengurus Besar
Lembaga Kemajuan Pertanian
KemubuKelantan.

Bertarikh : 27/12/2022.